

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WANITA
DI DEWAN KONVENSYEN, KUANTAN
24 OGOS 1999

Alhamdulillah, ingin saya mulakan dengan mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan kehendak-Nya dapat kita mengadakan perhimpunan pada hari ini. Sempena sambutan hari wanita ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua kaum wanita, yang bermakna termasuk ibu saya, isteri saya, anak perempuan saya, kakak-kakak saya, cucu-cucu perempuan saya. Sambutan hari wanita bukanlah dibuat hanya untuk perayaan semata-mata. Sebaliknya ia adalah satu pengiktirafan kerajaan kepada segala jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh kaum wanita dalam memaju dan membangunkan negara selama ini dan di masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Kerajaan sentiasa memberi penekanan penuh kepada usaha mempergiatkan pertumbuhan ekonomi. Alhamdulillah, sejak merdeka, negara telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat. Selama lebih kurang 10 tahun yang sebelum kegawatan, negara berjaya mencapai pertumbuhan purata lapan peratus setahun. Tetapi pada bulan Julai 1997 ekonomi serantau mengalami krisis kewangan yang turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Berkat kerjasama pelbagai pihak terutamanya tuan-tuan dan puan-puan semua, masalah ini telah dapat kita hadapi bersama. Ada pepatah mengatakan bahawa cabaran menjadi kita insan yang lebih cekal dan sabar. Dengan kecekalan dan kesabaran ini, agenda pembangunan kita akan dapat diteruskan bagi memastikan negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

3. Kejayaan kita bukan hanya atas landasan pertumbuhan ekonomi yang rancak sahaja. Kita tidak akan dapat berbangga kalau ukuran yang kita buat semata-mata atas pertimbangan ekonomi yang sempit. Apakah yang boleh kita banggakan sekiranya berlaku kepincangan sosial terutamanya di dalam lingkungan keluarga apabila wanita dan anak-anak tidak dibela.

4. Kita semua akui bahawa pertumbuhan atau kekuatan ekonomi ini mesti seiring dengan kemajuan lain. Apakah erti pertumbuhan kalau dengan pertumbuhan itu nilai serta maruah masyarakat terkorban.

5. Apa yang kita mahu dan inginkan ialah pertumbuhan dan pembangunan tanpa mengorbankan struktur nilai sosial yang luhur. Kita mahu gedung yang kita bangun itu, industri yang kita bangun itu, bangunan pencakar langit yang canggih yang kita bangun itu, dipenuhi manusia yang berfikiran waras, berakhlak mulia dan baik keluarganya.

6. Sebab itu kerajaan menekankan soal moral atau akhlak selain daripada kebendaan dan infrastruktur dalam membangunkan negara. Nilai-nilai murni peribadi, nilai kekeluargaan dan nilai keadilan sentiasa ditekankan dalam rancangan pembangunan kerajaan. Itu yang ingin dibangunkan, bukan hanya semata-mata angka dan indeks ekonomi. Semua perkara ini telah dirangkumkan dengan jelas di dalam wawasan 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Wanita mempunyai peranan besar dan potensi serta keupayaan untuk memajukan negara dengan lebih berkesan. Tetapi bukan mengikut pendekatan wanita barat. Wanita kita lebih bermaruah dan mengetahui batas-batas perjuangannya. Wanita kita tidak terikut-ikut melaung-laungkan soal kesaksamaan hak: hak untuk berkahwin sesama jantina, hak untuk melahirkan anak tanpa ikatan perkahwinan, dan hak untuk tidak berpakaian di khalayak ramai. Kesemuanya ini bukan nilai wanita kita.

8. Janganlah kita terperangkap dengan erti pembangunan yang sempit sehingga mengeneipkan kepentingan keluarga sebagai satu institusi yang mesti dipertahankan. Jangan dibiarkan roboh institusi keluarga kita semata-mata kerana hendak mengejar kemajuan. Kita mesti mempertahankan institusi keluarga ini kerana ia adalah penentu kukuh atau lemahnya masyarakat atau rakyat kita sebagai satu bangsa. Jika bangsa kita kukuh negara kita akan turut dihormati dan begitulah sebaliknya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Pelbagai permasalahan sosial kini timbul akibat pembangunan. Semakin ramai wanita yang keluar bekerja, semakin ramai ibu bapa yang tidak sempat berjumpa anak-anak kecuali pada hujung minggu, semakin ramai anak-anak yang tidak menghiraukan ibu-bapa, semakin banyak keluarga yang tidak pulang ke kampung halaman menjenguk ibu bapa dan saudara-mara yang kian meningkat usia di kampung, dan semakin kecil lingkungan keluarga kini.

10. Di sinilah pentingnya kita kembali kepada prinsip nilai dan moral. Kalau moral kita lemah mana mungkin anak muda menghormati ibu bapanya, mana mungkin ibu bapa menjalankan tanggungjawab mendidik anak-anak. Apakah mungkin kita menjalankan tugas mendidik anak-anak tanpa pertimbangan moral? Saya fikir tidak. Di barat sekalipun, telah ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk memulih dan mengembalikan institusi keluarga apabila mereka membincangkan tentang family values. Perkara ini harus kita sokong dengan menunjukkan model keluarga moden yang baik.

11. Pemimpin-pemimpin wanita jauh lebih pintar untuk berhujah mempertahankan kedudukan wanita. Saya menyokong penuh usaha untuk memberikan 'empowerment' kepada wanita. Kita harus bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'alla kerana Malaysia sekurang-kurangnya, dengan segala batasan yang ada, masih mampu mencatatkan beberapa kejayaan luar biasa. Di dalam bidang pendidikan, peluang dan pendedahan pendidikan kepada wanita di Malaysia cukup membanggakan. Umpamanya, dalam bidang professional, kita mempunyai ramai doktor, jurutera, arkitek dan akauntan yang terdiri daripada kaum wanita. Profesyen perguruan pun kini telah dimonopoli oleh kaum wanita. Jika kita lihat statistik 1998 pula menunjukkan peratus pelajar perempuan yang berdaftar di peringkat pra-universiti ialah sebanyak 65.3 peratus; sebanyak 54.5 peratus daripada 79,014 pelajar di institusi pengajian tinggi swasta terdiri daripada pelajar perempuan. Dan yang lebih membanggakan kita lagi ialah 61.2 peratus pelajar wanita mengikuti pengajian dalam bidang undang-undang, ekonomi, pengurusan dan accountancy. Kita juga melihat peningkatan peratus pekerja wanita daripada 45.8 peratus pada tahun 1990 kepada 47.1 peratus pada tahun 1995. Jadi peluang yang diberikan oleh

kerajaan kepada kaum wanita dalam bidang pendidikan dan pekerjaan adalah cukup luas. Malangnya masih ada halangan segelintir rakyat kita yang menganggap wanita tidak sesuai bekerja mencari nafkah. Masih ada pihak yang mendiskriminasikan wanita kerana sifat dan kecantikan mereka. Dan ada pihak yang tidak akan memberi tempat kepada wanita dalam menjalankan urusan siasah jika mereka menjadi kerajaan.

12. Wanita harus aktif dalam segenap lapangan kegiatan dan perwakilan wanita harus ada di semua peringkat membuat dasar. Kita harus mengurangkan halangan yang mungkin menjejaskan peluang wanita untuk terus maju sebagai ibu, isteri, pekerja dan ketua. Ramai di kalangan wanita yang berjaya kini telah membuktikan bahawa kaum hawa boleh memainkan hampir semua peranan yang mereka sandang. Kita tidak harus menghalang wanita untuk mempunyai kerjaya. Begitu juga, kita tidak seharusnya memandang remeh terhadap wanita yang memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa kerana itu merupakan pekerjaan yang murni dan sukar untuk dilakukan dalam zaman yang semakin moden ini. Apa yang penting sekarang ialah kita seharusnya memberikan segala dorongan kepada wanita untuk berjaya dalam apa jua bidang pilihan mereka. Apa yang menarik, kaum wanita di negara ini mencapai tahap yang tinggi adalah hasil usaha mereka sendiri berdasarkan kemampuan mereka, bukan kerana adanya kuota wanita dan sebagainya. Mereka mendapat apa jua kedudukan penting secara merit.

13. Oleh yang demikian sudah sampai ketikanya kita melihat pembangunan kita sebagai satu gerakan. Tentulah gerakan wanita mempunyai keupayaan yang lebih untuk turut sama berganding bahu bagi memajukan wanita dan membawa pembaharuan. Pencapaian wanita Malaysia berbanding dengan rakan-rakan mereka di Asia Tenggara dan di dunia, wanita Malaysia tidaklah jauh ketinggalan di belakang. Malahan dalam sesetengah kes, wanita Malaysia telah menunjukkan peningkatan dan kemajuan yang amat baik. Walaupun begitu, saya tidak nafikan bahawa langkah kita masih panjang dan masih banyak yang boleh dilakukan dalam usaha meningkatkan peranan wanita dan mengintegrasikan wanita sepenuhnya dalam arus pembangunan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Wanita itu sumber zuriat dan pembina tamadun. Daripada rahim ibulah lahirnya kita dan dididik untuk hidup sebagai insan yang berguna dan kemudiannya bersama-sama membangunkan satu tamadun. Sebagai acuan kepada generasi baru, wanita di-pertanggungjawabkan dengan tugas dan amanah yang berat. Sudah tentu wanita mempunyai tempat dalam negara kita. Mereka bersama-sama bertanggungjawab terhadap kemajuan bangsa, negara dan agama. Marilah kita bersama-sama berjanji untuk menjadi insan dan warga negara yang lebih baik lagi. Saya percaya dengan sikap yang semakin berubah menjelang alaf baru, diikat dengan fahaman agama dan nilai budaya, diikat dengan pengertian famili sebagai satu unit penting yang kita tafsirkan sendiri, saya percaya kita ada ruang untuk terus memajukan wanita.

15. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan hari wanita 1999.

Terima kasih.